Praktis 6

Kita haruslah sentiasa berwaspada terutamanya ketika cuaca hujan.
Catat maklumat tentang kejadian banjir yang berlaku. I-THINK

Pada bulan lalu, kampung saya telah dilanda banjir. Kejadian itu berlaku pada siang hari.

Sebelum kejadian itu, hujan lebat telah turun selama beberapa jam. Hal ini telah menyebabkan paras air sungai naik. Akibatnya, air sungai tersebut melimpah keluar. Saya lihat ada longkang yang tersumbat dan mengakibatkan air tidak dapat mengalir dengan baik.

Semasa air mulai membanjiri kawasan kampung, saya melihat penduduk menyelamatkan harta benda mereka. Tidak lama kemudian, pasukan keselamatan telah tiba di kampung saya untuk memberikan bantuan. Mereka menggunakan bot untuk menyelamatkan mangsa-mangsa banjir. Mereka berusaha memindahkan mangsa banjir dengan segera.

Kesan daripada kejadian banjir itu, banyak rumah telah ditenggelami air. Harta benda seperti kereta, motosikal, barangan elektrik turut rosak. Binatang ternakan pula mati lemas kerana air naik dengan cepat.

Semua mangsa banjir termasuk saya telah ditempatkan di balai raya. Kami terpaksa tinggal di situ selama beberapa hari walaupun keadaan tidak begitu selesa. Kami dibenarkan pulang ke rumah masing-masing setelah air surut.

Saya berasa amat sedih dengan kejadian banjir itu. Saya berharap kejadian itu tidak akan berulang lagi.

LIVEWORKSHEETS

1. hujan lebat

2. _____

3. _____

Punca

Kejadian Banjir

Akibat

4. rumah ditenggelami air

5. _____

6. _____

LIVEWORKSHEETS